

[HEBAHAN]

SEMINAR PEMANTAPAN PENGURUSAN BUANGAN TERJADUAL DIBAWAH PERATURAN-PERATURAN KUALITI ALAM SEKELILING (BUANGAN TERJADUAL) 2005 DAN HANDS-ON PENGGUNAAN SISTEM e-SWIS (SIRI 2)

8 Ogos 2023, MELAKA - Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka dengan kerjasama Kelab KESMA akan menganjurkan Seminar Pemantapan Pengurusan Buangan Terjadual dibawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 dan Hands-on Penggunaan Sistem e-SWIS (Siri 2) bersempena Sambutan Hari Ozon Sedunia Tahun 2023 Peringkat Negeri Melaka pada 14 September 2023 (Khamis) bertempat di Hotel Mudzaffar, Melaka.

Seminar ini memberi peluang kepada premis, industri, orang awam dan perunding dengan menyampaikan penerangan yang jelas berkaitan keperluan pematuhan dibawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 melalui kaedah pelaporan sendiri dengan penggunaan sistem "eSWIS" yang akan disampaikan kepada semua peserta. Premis-premis industri, perunding, pemaju serta orang awam turut dijemput untuk mendaftar bagi menyertai program ini bagi menimba ilmu dan mendapatkan maklumat terkini Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka.

Maklumat pendaftaran adalah seperti di e-poster dilampirkan. Pameran Jabatan Alam Sekitar dan agensi swasta berkaitan sistem pengurusan alam sekitar akan diadakan. Selain itu, kaunter aduan dan pendaftaran ahli RAS turut dibuka. Jom daftar segera kerana tempat adalah terhad!

[#KementerianSumberAsliAlamSekitarDanPerubahanIklim](#)

[#JabatanAlamSekitar](#)

[#jasnegerimelaka](#)

[#AlamSekitarTanggungjawabBersama #KESMA2023](#)